



■ DR. MAHATHIR

# Elaun perumahan kakitangan awam PM setuju jumpa CUEPACS

Oleh AHMAD PUAD ONAH

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, bersetuju menemui pegawai-pegawai kanan Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) pada 22 Disember ini.

Pertemuan itu untuk membincangkan permohonan CUEPACS mendapatkan elaun perumahan bagi kakitangan awam dan lain-lain masalah yang dihadapi mereka.

Setiausaha Agung CUEPACS, Encik Jamaluddin Mohamad Isa, berkata hari ini perwakilan Kongres itu ke perjumpaan tersebut seramai 14 orang.

Mereka terdiri dari presidennya, Encik T. Narendran; dua timbalan presiden, 10 naib presiden dan Encik Jamaluddin sendiri.

Menurutnya, CUEPACS akan meminta jasa baik Datuk Seri Dr. Mahathir membantu menyelesaikan masalah-masalah kakitangan awam, terutama kumpulan berpendapatan rendah.

## Memorandum

"Kami harap Perdana Menteri akan membantu menyelesaikan permohonan kami mendapatkan elaun perumahan bagi semua kakitangan awam," katanya.

CUEPACS baru-baru ini menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan memohon elaun rumah bagi kakitangan awam.

Di samping itu, kesemua 60 kesatuan sekerja gabungannya juga menghantar memorandum sama kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam tuntutananya, Kongres itu meminta elaun rumah \$75 bagi kakitangan Kumpulan IV, \$125 untuk Kumpulan III, \$175 bagi Kumpulan II, \$225 untuk Kumpulan I dan \$275 bagi Kumpulan I Kanan.

Encik Jamaluddin yakin perjumpaan itu akan mendatangkan hasil memuaskan.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia